

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR**

**SOALAN : NO. 248**

**Puan Nurul Izzah Binti Anwar [Lembah Pantai] minta MENTERI PENDIDIKAN TINGGI menyatakan :-**

- (a) apakah indikator sistem TiGrESS untuk membantu graduan dalam memperoleh pekerjaan dalam bidang STEM; dan
- (b) jumlah peruntukan yang diberikan kepada Iconix Talent Networks untuk program TiGrESS.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, TiGrESS merupakan satu inisiatif kerjasama antara pihak industri dan universiti untuk meningkatkan keupayaan kebolehpasaran siswazah tempatan melalui kaedah pengurusan pusat pembangunan kerjaya dengan lebih cekap. Melalui pembangunan sistem ini, para pelajar boleh mendapatkan maklumat lebih lanjut berkenaan peluang pekerjaan yang ditawarkan oleh pihak industri yang bersesuaian dengan kelayakan pelajar berkenaan. Ianya tidak hanya terhad bagi pelajar dalam bidang sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM) sahaja tetapi juga dalam bidang lain di universiti tempatan.

Sistem ini dibangunkan sepenuhnya oleh pihak Iconix Talent Network dan pada masa sekarang dalam proses penilaian keberkesanan

penggunaannya di beberapa buah universiti antaranya adalah Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia, Taylors University dan Malaysia Multimedia University.

Setakat ini, pembangunan sistem TiGrESS telah dibiayai sepenuhnya oleh Iconix Talent Network sebagai salah satu sumbangan industri kepada pendidikan tinggi negara untuk meningkatkan lagi kebolehpasaran graduan daripada universiti tempatan.